

KENYATAAN MEDIA**1,118 PEKERJA SWM ENVIRONMENT NEGERI SEMBILAN BERTUGAS PADA HARI RAYA PERTAMA**

SEREMBAN, 20 MAC 2025 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) mengatur strategi operasi sempena Hari Raya Aidilfitri bagi memastikan kelancaran perkhidmatan pengurusan sisa pepejal, khususnya pada hari pertama dan kedua perayaan.

Menurut Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam bin Mohd Nordin, seramai 1,118 pekerja termasuk kontraktor SWM Environment di Negeri Sembilan akan bertugas pada Hari Raya pertama, manakala jumlah tenaga kerja pada Hari Raya kedua, akan meningkat kepada 1,197 orang,”

Sebanyak 154 buah lori kompaktor dan lori terbuka akan digunakan bagi operasai kutipan sisa pepejal pada Hari Raya pertama, dengan jumlah kenderaan meningkat kepada 179 pada Hari Raya kedua bagi memastikan kelancaran perkhidmatan di seluruh negeri.

Anjakan Jadual Perkhidmatan

Sebagai sebahagian daripada strategi operasi, SWM Environment turut melaksanakan anjakan jadual perkhidmatan kutipan sisa pepejal di tiga daerah iaitu Seremban, Nilai dan Port Dickson.

“Sebanyak 97 taman di Seremban, Nilai dan Port Dickson akan terlibat dalam jadual anjakan bagi kutipan sisa domestik. Sementara itu, jadual anjakan bagi kerja-kerja kutipan sisa pukal, sisa kebun dan sisa kitar semula akan melibatkan 67 taman di daerah Seremban dan Nilai”, jelas beliau.

Pihak SWM Environment akan menyalurkan maklumat berkenaan jadual kutipan melalui media sosial dan saluran komunikasi WhatsApp bagi memastikan penduduk yang terlibat mendapat makluman terkini. SWM Environment juga menggesa kerjasama daripada penduduk untuk meletakkan sisa pepejal di luar premis mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Galakan Kitar Semula melalui KITARecycle

Dalam usaha menggalakkan pengasingan sisa di punca, SWM Environment mengajak orang ramai untuk menyertai program KITARecycle. Program ini, membolehkan pengguna mengumpul mata ganjaran kitar semula yang boleh ditebus dalam bentuk tunai melalui aplikasi KITARecycle. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web: <https://kitarecycle.com/>.

Selain itu, penduduk di sekitar Seremban, Nilai, Port Dickson dan Tampin boleh menghantar barangan kitar semula ke Pusat Pandu Lalu KITARecycle di lokasi berikut:



SEREMBAN	NILAI	PORT DICKSON	TAMPIN
Wisma MBS, Majlis Bandaraya Seremban	Ainsdale Sales Gallery Sime Darby Sales Gallery, Nilai Impian	Jalan Mahajaya, Port Dickson	Padang Serbaguna MDT
OSK Iringan Bayu	Laman Mawar, Kota Seriemas		

Peringatan Keselamatan dan Pengurusan Sisa Pepejal

SWM Environment menasihatkan orang ramai agar memastikan keselamatan anak-anak terjamin semasa kutipan sisa pepejal sedang dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

Penduduk juga dinasihatkan untuk melupuskan sisa mercun dan bunga api dengan selamat dengan memastikan api dipadamkan sepenuhnya sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah. Selain itu, bagi memastikan kelancaran operasi, penduduk diingatkan untuk meletakkan kenderaan dengan teratur agar tidak menghalang pergerakan lori kutipan sisa pepejal.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkhidmatan SWM Environment sepanjang musim perayaan, orang ramai boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia: 1-800-88-7472 atau WhatsApp: 012-6180082.

SWM Environment komited dalam memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berjalan lancar sepanjang musim perayaan demi kesejahteraan dan kebersihan masyarakat.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500



kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swm-environment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa yang dijana oleh masyarakat dihantar dan dilupuskan di tapak pelupusan, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) berimpak tinggi yang menjurus kepada kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar termasuk Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), pendigitalan program kitar semula berganjaran dan pengkomposan sisa makanan bagi meningkatkan kesedaran awam ke arah Ekonomi Kitaran (Circular Economy).

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran iaitu KITAREcycle di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. KITAREcycle bertujuan menggalakkan orang ramai untuk mengasingkan barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik dan tin aluminium dan memperoleh mata ganjaran (RP) yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan (Negeri Sembilan & Melaka)

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com